


AZMAH NORDIN

# Timulak Kapal Perang



# **Timulak Kapal Perang**

## **Laporan Panel Penilai**

Novel ini mengemukakan persoalan perjuangan sekelompok gadis memberikan kerjasama kepada Paduka Mat Salleh berjuang menentang campurtangan Inggeris di Sabah. Andayu, watak utama dalam cerita ini, bersama-sama teman sebayanya – Suri, Sirah, Unong dan Tiah – saling berganding bahu dengan Halipan – anak muda dari keluarga Mat Salleh – Dayang Bandan – memberikan maklumat, bertindak sebagai Sulu, merawat pejuang-pejuang yang cedera dan ikut dalam gerakan menentang Inggeris.

Apa yang menarik dalam novel ini ialah tentang watak Andayu yang cekap, berani dan tahu diri dalam menghadapi detik-detik perjuangan. Di samping itu, peristiwa dalam plot ceritanya dijalin dengan kemas dan pengarangnya berupaya membina dan mengawal unsur ketegangan cerita dengan menyisipkan unsur imbas kembali yang wajar dan agak kompleks pada tempat/peristiwa tertentu.

Timulak Kapal Perang adalah satunya novel dalam pertandingan ini yang menampilkan watak utamanya dari kalangan gadis belasan tahun dan diolah gambaran perwatakannya dengan baik serta meyakinkan. Satu aspek lain yang patut ditegaskan di sini ialah tentang keupayaan pengarang menguasai bahasa sasteranya yang kreatif dan indah. Malah, kehadiran bahasa figuratif, terutamanya bahasa perbandingan menjadikan manuskrip ini lancar perjalanan ceritanya, indah dan mantap bahasanya.

**NASKHAH CONTOH**

KK 893-4202 6101  
ISBN 983-62-0980-8

Novel ini pemenang Hadiah Ketiga (tiada pemenang Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua) Anugerah Novel Sejarah Kebangsaan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan yang ditaja oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd., Harrisons Malaysian Plantations Bhd., Esso Malaysia Bhd., Utusan Melayu (M) Bhd.

Cetakan Pertama 1989  
© Hakcipta Azmah Nordin 1989

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Aris Typesetting  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan  
\$5.00

## LAPORAN PANEL PENILAI

## Anugerah Novel Sejarah Kebangsaan

Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia

## **Cawangan Wilayah Persekutuan 1988**

CERERA sejarah merupakan satu daripada bentuk penulisan kreatif yang mempunyai tradisinya dalam konteks perkembangan kesusasteraan di tanahair sejak dari tercetusnya Perang Dunia Kedua. Walaupun tradisi penulisan novel sejarah telah dimulai hampir lima dekad, namun ini tidak pula bermakna konsep novel sejarah dan kemantapan penulisannya sudah mencapai ke tahap yang memuaskan.

Novel sejarah bukanlah sekadar hasil karya sastera yang menghimpunkan fakta-fakta sejarah secara melulu atau sebagai sebuah cerita sejarah yang kering dan sarat dengan maklumat-maklumat tentang tokoh, peristiwa dan latar yang ditampilkan secara padat dan kaku. Ia seharusnya wujud sebagai sebuah karya kreatif imaginatif yang meyakinkan atau menampilkan bukan saja tentang fakta—tarikh, tokoh, peristiwa dan latar—malah harus dimuatkan juga falsafah perjuangan, sedapat mungkin.

Oleh kerana itu sesebuah novel sejarah yang baik dan bermutu — seperti juga dengan cereka genre lainnya — seharusnya berupa menampilkan banyak nilai kehidupan yang positif, memberikan wawasan pemikiran, mengemukakan pelbagai maklumat tentang perjuangan dalam kehidupan masa lampau — dalam semua aspek — yang dianyam dengan caragaya penuh kreatif dan imaginatif sebagai suatu peng-

gerak kepada khalayak untuk lebih memahami perjuangan individu-individu tertentu atau kelompok masyarakat atau sesuatu bangsa itu dalam melalui ranjau kehidupannya. Dengan kata lain, ia adalah wahana yang dapat dijadikan ikhtibar di samping sebagai suatu motivasi dalam menghadapi kelangsungan hidup dalam dunia kini dan akan datang yang serba canggih dan mencabar.

Inilah kesan yang diperoleh sesudah melakukan kerja-kerja penilaian terhadap manuskrip-manuskrip novel sejarah remaja yang dipertandingkan pada kali ini.

## II

Pihak pengajur peraduan Anugerah Novel Sejarah Kebangsaan 1988 telah menyerahkan duapuluh enam (26) buah manuskrip novel sejarah remaja kepada pihak Panel Penilai. Dua (2) daripada duapuluh enam (26) manuskrip novel itu terpaksa ditolak pada tahap awal lagi kerana tidak memenuhi satu daripada syarat yang ditetapkan oleh pihak pengajur.

Dalam melakukan kerja-kerja pembacaan, penelitian dan penilaian, pihak Panel Penilai menyediakan kriteria atau ukurtara yang baku sebagai landasan bertolak untuk menilai manuskrip-manuskrip tersebut. Di antara ukurtara yang menjadi landasan pegangan Panel Penilaian ialah:

- setiap manuskrip yang dinilai haruslah menepati konsep atau/dan definisi novel sejarah.
- kemantapan kesatuan organiknya
- keseimbangan nilai estetika dengan persoalan yang digarap
- unsur kemanusiaan dan nilai kepositifan moral
- terhindar dari sebarang pertentangan nilai hidup

- tidak prejudis dan sensitif
- memenuhi syarat peraduan.

Panel Penilai membaca kesemua manuskrip yang layak dipertandingkan dan sebanyak tiga kali perbincangan telah diadakan. Sesudah melalui proses penilaian dan perbincangan, Panel Penilai mendapat kesan keseluruhan bahawa kebanyakan manuskrip yang dinilai mempunyai beberapa kekurangan yang agak ketara dan belum mencapai ke suatu tahap yang memuaskan. Pada kebanyakan manuskrip yang tidak berjaya, umpamanya, pengarang lebih cenderung bercerita dengan cara melaporkan peristiwa bersejarah, termasuk tokoh dan latar, tanpa atau kurang sekali menyedari konsep atau definisi cereka mahupun novel sejarah yang ditangani. Oleh kerana itu terciptalah karya-karya yang tidak memenuhi konsep novel sejarah, umpamanya lebih mirip pada laporan atau catatan, konsepnya kabur, tiada kesatuan dan kepadatan dalam menjalin plot cerita, pemilihan peristiwa kurang teliti, dan tidak relevan.

Dalam sebilangan manuskrip yang lain pula, terdapat ketepatan fakta, latarnya baik akan tetapi pengarang-pengarangnya bercerita dengan bahasa deskriptif, secara pemerian, tekniknya lemah dan mendatar tanpa sebarang unsur ketegangan. Di samping itu, penampilan watak-wataknya kurang meyakinkan kerana tiada usaha untuk menyorot atau menyatakan gejolak emosi tokoh-tokoh tersebut.

Oleh kerana tiada keseimbangan antara fakta dan persoalan cerita dengan teknik penulisan, maka banyak manuskrip yang tidak dapat masuki pusingan kedua dan berakhir. Disebabkan kekurangan dan kelemahan tersebut, banyak persoalan perjuangan tentang tokoh-tokoh penting dalam sejarah tanahair seperti legenda Puteri Saadung, Abd

Rahman Limpong, tokoh dalam Rejemen Askar Melayu mempertahankan tanahair dari serangan Jepun dan zaman kezaliman pemerintah Jepun dan Komunis Bintang Tiga selama 14 hari; telah tidak dapat dikemukakan apalagi untuk dipertimbangkan bagi memenangi hadiah.

Namun begitu, terdapat pula beberapa buah manuskrip lagi yang memperlihatkan kesungguhan dan kearifan pengarangnya mengadun fakta sejarahnya dengan baik, dan dengan penuh keterampilan berusaha mengolah ceritanya dengan berkesan. Demikianlah, setelah dilakukan penilaian secara terinci dan dibincangkan dengan penuh ketelitian, dengan mengambil kira landasan pegangan ukurtara di atas, maka duapuluh (20) buah manuskrip ditolak dan cuma empat (4) buah manuskrip lagi dibincangkan ke peringkat akhir. Hasil dari penilaian dan perbincangan itu, Panel Penilai bersetuju menyenaraikan dan memperakukan manuskrip yang berikut layak menerima.

**Hadiah Pertama : TIADA**

**Hadiah Kedua : TIADA**

**Hadiah Ketiga : Timulak Kapal Perang (MS023)**

**Hadiah Penghargaan : Langit Merah di Ibukota**

(MS012)

**Pahlawan Perang Parang**

**Panjang (MS024)**

**Wira di Bumi Warisan (MS017)**

**IV**

Di bawah ini diberikan ulasan ringkas terhadap karya-karya yang berjaya memenangi hadiah.

#### **Timulak Kapal Perang**

Manuskrip ini mengemukakan persoalan perjuangan sekelompok gadis memberikan kerjasama kepada Paduka

Mat Salleh berjuang menentang campurtangan Inggeris di Sabah. Andayu, watak utama dalam cerita ini, bersama-sama teman sebayanya – Suri, Sirah, Unong dan Tiah – saling berganding bahu dengan Hilapan – anak muda dari keluarga Mat Salleh – Dayang Bandan – memberikan maklumat, bertindak sebagai Sulu, merawat pejuang-pejuang yang cedera dan ikut dalam gerakan menentang Inggeris.

Yang menarik dalam manuskrip ini ialah tentang watak Andayu yang cekap, berani dan tahu diri dalam menghadapi detik-detik perjuangan. Di samping itu, peristiwa dalam plot ceritanya dijalin dengan kemas dan pengarangnya berupaya membina dan mengawal unsur ketegangan cerita dengan menyisipkan unsur imbaskembali yang wajar dan agak kompleks pada tempat/peristiwa tertentu.

Satu-satunya manuskrip dalam pertandingan ini yang menampilkan watak utamanya dari kalangan gadis belasan tahun dan diolah gambaran perwatakannya dengan baik serta meyakinkan. Satu aspek lain yang patut ditegaskan di sini ialah tentang keupayaan pengarang menguasai bahasa sasteranya yang kreatif dan indah. Malah, kehadiran bahasa figuratif, terutamanya bahasa perbandingan menjadikan manuskrip ini lancar perjalanan ceritanya, indah dan mantap bahasanya.

#### **Hadiah Penghargaan**

##### **• Langit Merah di Ibu Kota**

Pengarang manuskrip ini mengambil latar peristiwa 13 Mei sebagai bahan mentah untuk persoalan ceritanya. Ia menceritakan gejolak perasaan anak muda menghadapi detik-detik tergugat penuh cabaran selepas satu pilihanraya. Namun begitu, kehadiran Pak Awang, sedikit banyaknya dapat meredakan suasana tegang dan penuh emosi itu.

Pak Awang yang mempunyai latar belakang pengalaman hidup pada zaman Jepun dan Bintang Tiga memerintah 14

hari tidak senang dengan rusuhan yang berlaku. Dalam kegawatan suasana itulah munculnya rasa kemanusiaan di kalangan penduduk berbilang kaum. Ini dipancarkan oleh pengarang lewat peristiwa yang dialami oleh watak Lim dan Sufian.

Cerita dalam manuskrip ini berakhir dengan penuh kegembiraan. Satu unsur yang harus dipertahankan. Namun begitu, jalinan plot ceritanya agak mudah dibangunkan dari dialog yang lincah tetapi disampaikan melalui bahasa yang kurang kreatif. Pada beberapa peristiwa, kehadiran beberapa tokoh sejarah elok disamarkan atau ditiadakan kerana peranannya dalam cerita kurang membawa makna.

#### • Pahlawan Perang Parang Panjang

Manuskrip ini membawa persoalan perjuangan orang Melayu menentang komunis di Batu Pahat yang cuba menimbulkan huru-hara dan kekacauan dalam tahun 1946. Hasrat komunis cuba mengambil alih kuasa pemerintahan negara secara kasar dan kejam itu mendapat tentangan hebat dari kalangan penduduk tempatan. Di sinilah anak muda, Nata, memainkan peranannya memperjuangkan kebenaran agama Islam di samping menjaga maruah bangsa dan menegakkan ketuanan Melayu agar tidak digugat.

Dari aspek jalinan plot cerita, pada keseluruhannya peristiwa diolah secara kronologis dengan menyisipkan unsur ketegangan pada beberapa bahagian cerita. Perlukisan watak dan perwatakan serta latar ceritanya agak sederhana. Semenata bahasanya agak jelas dan berupaya menyampaikan persoalan perjuangan yang terungkap dalam manuskrip.

#### • Wira di Bumi Warisan

Pengarang manuskrip ini mengambil peristiwa pergolakan atau perang saudara di Selangor dalam abad ke-19. Ia

dimulaikan sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah hingga membawa ke zaman Yap Ah Loi dan campurtangan Inggeris, dengan memberikan penonjolan peranan Raja Mahadi yang berjuang menuntut hak dan keadilan kerana cintakan bangsa dan tanahairnya.

Dari satu aspek, plot manuskrip novel ini agak komplikated dan menampakkan kesungguhan pengarang menjalin peristiwanya. Cuma barangkali kesungguhan pengarang menjalin peristiwanya. Cuma barangkali ada kecenderungan pengarang ingin menceritakan banyak peristiwa dalam sebuah cerita yang sederhana panjangnya, kira-kira 130 halaman.

Ceritanya juga mengambil latar yang agak luas seperti di Lukut, di Kelang, di Kuala Lumpur dan Kuala Selangor. Namun begitu penceritaan tentang wataknya agak biasa saja dengan perlukisan perwatakan yang cenderung memperlihatkan kehadiran pengarang.

Adanya kecenderungan pengarang untuk menyampaikan banyak fakta sejarah menjadikan cerita ini agak biasa dan kurang kreatif. Sedangkan bahasa yang digunakan terlalu sederhana dan tidak dieksplot dengan sewajarnya.

Othman Puteh  
Ketua  
Panel Penilai

Mohd Ali Majod  
Panel Penilai

A. Rahim Abdullah  
Panel Penilai

UKM — DBP 27 April 1989.

## 1. TAGUNGGU TIBAN

KETIKA senja beransur malam dan alam pun menjadi kelam, ketika murai berkicau merdu dan merbah bersul riang sambil pulang ke sarang, tangan Andayu begitu cepat mencekak ulu *pidak* yang tersisip di bawah bantalnya. Serta merta dia mencelikkan mata dan duduk di atas tempat pembaringan sehingga perutnya terasa senak sedikit.

Entah apa yang menjentik fikirannya tadi hingga dia terbangun dari tidurnya. Tiba-tiba dia terdengar bunyi ring-kik kuda yang melangsing panjang. Dia diterjahi perasaan cemas. Suasana di sekeliling yang samar-kelam dan dingin, menambahkan rasa cemasnya.

“Siapa yang membangunkan aku tadi? Bapa?”

Suasana senyap sejenak. Tiba-tiba dia terdengar semula bunyi yang membangunkannya daripada tidurnya tadi; bunyi seruan azan. "Aduh ...! Kenapa Mak Cik Mala biarkan aku terlewat begini?"

Angin senja meniup lembut langsir jendela kamarnya yang terbuka luas sejak subuh tadi, seperti cuba menyegarkan perasaan Andayu yang meruap panas. Angin senja membawa bersama-sama gambaran wajah Halipan, anak saudara Paduka Mat Salleh, lalu menerjah ke dalam fikirannya. Kini debaran di dadanya kian sukar dikuasai. Dengan tidak semena-mena, dia tersenyum tersipu-sipu, sendirian.

"Paduka ...!" ucap Andayu perlahan.

Serentak dengan itu, dia terbayangkan peristiwa kapal-kapal besar yang datang berlabuh di pangkalan sungai. De-

ngan rasa kagum di hati, ramai orang yang berkejar ke arah pangkalan. Pada kala itu, kanak-kanak dan orang dewasa sama sahaja. Masing-masing asak-mengasak dan tolak-menolak di tepi pangkalan dan di sepanjang pinggiran sungai.

"Sultankah yang datang?" tanya Andayu, cemas.

"Entahlah. Jangan-jangan musuh, Halipan pula yang menjawab.

"Kalau musuh, apa kita nak buat?" desis Mak Cik Mala, bimbang.

Dengan tidak semena-mena, terdengar bunyi beberapa rangkap *kallang* yang diucapkan pada hari perkahwinan jiran sekampungnya dulu, di gegendang telinganya. Sayup-sayup, terdengar irama muzik bertingkah-tingkah dengan amat merdu. Dia seperti nampak penari-penari lelaki yang merangkai-rangkaikan tangan, mengelilingi pentas secara membulat. Sehelai selendang merangkaikan mereka dengan penari-penari wanita yang bergerak lembut. Terdengar irama muzik pengiring seperti biola, gong, *gabbang* dan kulintangan, berdengung-dengung dalam otaknya. Dia memejamkan mata, cuba menghayati senikata puisi rakyat itu.

*Mai daling daling, Mai daling daling,*

*Timulak kapal perang,*

*Tagunggu tiban gandang;*

*Bukun gawi magdagang*

*Gawi magtunggu tunang ...*

Andayu membuka matanya perlahan-lahan. Dia berasa hairan. Dalam hatinya bertanya kenapa dia sampai terlewat bangun hingga ke senja ini? Padahal, dia telah pun berjanji pada dirinya untuk melelapkan mata sejenak sahaja, sekembarinya dari bekerja di lereng bukit huma tadi.

"Bagaimana boleh kupercaya semua ini?" rungut Andayu, sendirian. Macam rungutan Pak Cik Tidung, saudara

sepupu Mak Cik Mala.

Sekarang, dia terlewat sudah. Padahal, sepatutnya dia sudah pun berkejar pantas ke arah tempat kudanya tertambat, di kandang belakang rumah. Lalu dengan kemahiran yang diwarisi daripada nenek moyangnya, sejak zaman berzaman, dia akan melompat tangkas di belakang kuda yang setia menantinya. Kemudian, sebaik-baik sahaja punggungnya menyentuh pelana, dia akan menyentak tali pacu. Dia akan mengarahkan kuda itu menyusuri pinggir pantai yang dilingkari Laut Cina Selatan. Seperti dia menyusuri liku-liku hidupnya yang dilingkari derita. Dia akan terus menunggang kuda itu, menuju ke suatu tempat sulit yang telah ditetapkan oleh Paduka Mat Salleh.

Itulah yang sepatutnya dia lakukan, fikir Andayu, keserasian. Tetapi kini dia terlewat sudah.

"Ini semua Mak Cik Mala punya fasal!" rungut Andayu. "Ah, kalaulah Mak Cik Mala mengejutkan dari tidur tadi, tentu tak jadi macam ni!"

Dia menghela nafas yang terasa menyendat dalam dada-nya. Dia mengerut keping. Dia seperti dapat mendengar bunyi tapak ladam kuda yang ditunggangi oleh Suri, Sirah, Unong dan Tiah, berklik-klop meninggalkan kawasan perkampungan di daerah perbukitan. Dia seperti dapat melihat dirinya berkejar ke arah mereka dan melonjak-lonjak memanggil mereka supaya menantinya. Ternyata panggilan hatinya berlalu begitu sahaja, tanpa disahut. Kurang pasti pula dia sama ada mereka pekak batu atau pekak labang!

"Sampai hati mereka meninggalkan aku sendirian," rungut Andayu, tersedru sedikit.

"Tapi kau lambat bangun," tegur suatu suara. "Mereka tidak boleh menunggumu sehingga kaubangun. Mereka ada tanggungjawab besar. Tanggungjawab kepada bangsa dan tanahair!"

Andayu mendengus kasar. Perjalanan ke rumah Paduka Mat Salleh bukannya jauh sangat. Andayu sudah masak betul

dengan perjalanan menyusuri pinggiran sungai, biarpun dia belum pernah pergi sendirian dalam gelap. Perjalanan itu cuma sejauh sebuah padang rumput yang luas menghijau. Lebih kurang sejauh rumah Pak Cik Tidung jugalah.

Argh ...! Rintih hatinya. Kini dia terlewat bangun dan ketinggalan dalam ilmu mempertahankan diri dan belajar bersilat. Ini yang membuatkan dia kesal amat!

"Jangan selalu lambat datang, Andayu."

Andayu teringat pesanan Pak Cik Ali. Dia sedar. Biarpun tanpa pesanan dari Pak Cik Ali, dia pasti akan menghadapi masalah besar kalau dia selalu terlambat datang. Dia boleh tewas dalam permainan senjata, andainya dia kurang cekap dan cepat bertindak. Contohnya, dia boleh tewas dalam satu-satu pertarungan yang sengit kelak. Itu pun, kalau Paduka Mat Salleh memberi dia peluang untuk turut bertarung di medan perang!

Dia tahu. Kalaupun tidak menemui maut seperti bapanya yang tewas kerana dipatuk ular senduk beberapa bulan yang lalu, dia tentu akan tercedera parah di tangan musuh kelak.

Andayu memasam muka, mendengus kasar, bingung memikirkan teman seperjuangannya. Mereka yang datang dari daerah Inanam kerana turut menyertai pasukan keamanan secara sukarela, lazimnya, akan mendengus kasar. Mereka akan menguntum senyuman sinis dan memincing mata merenungi Andayu. Ini membuatkan Andayu semakin serba salah dan terkial-kial hendak menjelaskan tentang lewatannya kepada Pak Cik Ali. Mujur juga Pak Cik Ali penyabar dan tenang orangnya, fikir Andayu.

"Sa ... saya terlewat se ... sebab ..."

Bunyi kuda meringkik nyaring dari kandangnya di belakang rumah, menyentak Andayu kembali ke alam nyata. Dia mengeluh panjang. Entah mengapa, ketegangan dalam hidupnya, sama seperti ketegangan yang berkisar resah di bumi di Bawah Bayu. Kedatangan orang-orang Inggeris se-

bagai penajah, dirasakan bagaikan serangan puting beliung, bagaikan gegaran gempa bumi, bagaikan gelombang besar di lautan, bagaikan api ditiuup angin.

Andayu mengerut kebingungan. Hatinya tertanya-tanya; Apakah setiap remaja harus sentiasa berwaspada, harus bangun menentang, harus mengorbankan nyawa? Atau, mungkin lebih selamat jika merelakan sahaja diri menjadi hamba abdi, lebih baik daripada menegakkan kebenaran dan menentang kezaliman serta penindasan?

Serta-merta Andayu teringatkan pada satu peristiwa yang berlaku beberapa hari yang lalu, sewaktu dia menunggangi kuda berhampiran dengan rumah Paduka Mat Salleh.

"Datu! Datu ...!" panggil seorang ketua pemungut cukai yang terkejar-kejar ke rumah Datu Paduka Mat Salleh.

Paduka Mat Salleh terkejut. Andayu juga terkejut dan mengarahkan kudanya meminggir di tepi pagar batang-batang kayu yang memagari beberapa ekor kuda. Tidak jauh dari kawasan kuda meragut rumput, kelihatan beberapa puluh ekor kerbau dan sapi sedang berkeliaran bebas dan meragut rumput di padang yang luas.

"Datu! Datu ...!"

"Ada apa?"

Paduka Mat Salleh berdiri di anjung rumah. Dari jauh, Andayu merasakan layang-layang rumah seperti menunjang awan. Rumah yang kira-kira sepuluh sirang panjangnya, atapnya dibuat daripada daun rumbia, dindingnya daripada pelupuh, lantainya daripada bilah-bilah nibung dan diikat dengan rotan yang berselirat.

"Aduh! Datu ...!" rintih pemungut cukai itu, termengah-mengah. "Mereka datang lagi ke pangkalan! Semakin ramai lagi. Lengkap dengan senjata api pula .... Dan mereka menganggu terus!"

"Siapa?" tanya Paduka Mat Salleh, kehairanan. "Siapa yang datang? Siapa yang kian ramai? Siapa yang lengkap de-

**ISBN 983-62-0980-8**